

19 OCT 2001

BELANJAWAN-TERUS BERSAING

BELANJAWAN 2002 BERTUJUAN TINGKATKAN DAYA SAING, KURANGKAN KOS

KUALA LUMPUR, 19 Okt (Bernama) -- Belanjawan 2002 telah mengujudkan langkah-langkah untuk menangani isu-isu berkaitan dengan daya saing dan produktiviti di tengah-tengah cabaran dunia tanpa sempadan dan komitmen ke arah pelaksanaan Kawasan Perdagangan Bebas Asean.

Di samping mempertingkatkan produktiviti, Belanjawan 2002 juga bertujuan untuk membantu mengurangkan kos berniaga.

Selaras dengan ini, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed telah mencadangkan di dalam belanjawan itu bahawa Elaun Bangunan Perindustrian diberikan kepada bangunan diluluskan termasuk hotel supaya dikaji semula.

Dr Mahathir, yang juga menteri kewangan, mencadangkan bahawa elaun tahunan ditingkatkan daripada dua peratus kepada tiga peratus, dan hasilnya, syarikat-syarikat boleh menuntut susut nilai dalam masa lebih pendek, iaitu, kepada 35 tahun daripada 45 tahun.

Elaun permulaan sebanyak 10 peratus yang kini diberikan bagi perbelanjaan modal yang ditanggung di dalam pembinaan bangunan-bangunan adalah diluaskan kepada perbelanjaan modal yang ditanggung dalam pemilikan bangunan-bangunan.

Sebagai langkah selanjutnya untuk mengurangkan kos dan meningkatkan daya saing, Dr Mahathir mencadangkan bahawa duti-duti import ke atas 55 barangan yang telah lama dilindungi dikurangkan kepada di antara 10 peratus dan 50 peratus daripada 20 peratus dan 105 peratus.

Antara barangan yang terbabit ialah minuman bergula, kain tenunan, renda dan selimut.

Beliau juga mencadangkan bahawa duti import dalam 171 barangan termasuk barangan perantaraan seperti projektor multimedia, mesin menjawab telefon, komponen-komponen perabot dan kertas foto dikurangkan kepada sifar dan 25 peratus daripada di antara lima peratus dan 35 peratus.

Beliau juga mencadangkan bahawa pendapatan yang diterima oleh bukan pemastautin daripada menyewa kontena kepada syarikat-syarikat perkapalan di Malaysia dikecualikan daripada cukai pendapatan untuk mengurangkan kos berniaga bagi syarikat-syarikat perkapalan di Malaysia.

Dalam langkah untuk meningkatkan produktiviti, beliau mencadangkan potongan cukai ke atas pembayaran bonus yang dihadkan kepada dua bulan gaji sekarang, supaya dihapuskan.

"Adalah diharapkan agar langkah ini akan memberi peluang kepada majikan-majikan untuk menawarkan saraan yang sejajar dengan produktiviti pekerja-pekerja mereka," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata pembayaran bonus adalah satu galakan kepada para pekerja untuk meningkatkan produktiviti.

Beliau juga mencadangkan bahawa perbelanjaan yang ditanggung oleh sebarang orang dalam memberikan latihan amali kepada individu-individu yang bukan pekerja mereka diberikan pengurangan bagi tujuan cukai pendapatan.

Beliau berkata skim latihan amali perlu digalakkan sebagai salah satu daripada cara untuk meningkatkan bekalan tenaga manusia yang mahir dan terlatih.

Sebagai sebahagian daripada rancangan untuk mempertingkatkan produktiviti dan daya saing, para majikan mestilah bertanggung jawab untuk melatih dan meningkatkan kemahiran pekerja-pekerja mereka, tambahnya.

Katanya dalam hal ini kerajaan telah menubuhkan Tabung Pembangunan Sumber Manusia dan juga memberikan galakan cukai bagi latihan dalam bidang

teknikal dan vokasional.

Dr Mahathir juga berkata bahawa produktiviti Malaysia telah tidak meningkat sejajar dengan peningkatan dalam kos pengeluaran dan jika arah aliran ini tidak dibendung, negara akan kehilangan bahagiannya dalam pasaran antarabangsa dan ini mungkin mengakibatkan pekerja kehilangan pekerjaan mereka, upah terus beku dan tiada peluang-peluang pekerjaan tambahan baru. -- BERNAMA

MSL SHY OS